



## **Kenyataan Media**

### **MUAT NAIK KANDUNGAN JELIK MELAMPAU TERHADAP DYMM SULTAN SELANGOR: MCMC PANGGIL INDIVIDU BANTU SIASATAN**

**CYBERJAYA, 27 April 2026** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bekerjasama rapat dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menjalankan siasatan bagi kes memuat naik kandungan jelik melampau berunsur 3R terhadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

MCMC telah mengambil rakaman percakapan seorang individu yang merupakan pentadbir kepada akaun Facebook HuaYan The Pureland Learning Centre pada hari ini untuk membantu siasatan. Kes disiasat di bawah Seksyen 233, Akta 588 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM500,000 atau penjara sehingga dua tahun, atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Manakala pihak PDRM menjalankan siasatan di bawah Seksyen 4 (1) Akta Hasutan 1948 yang memperuntukkan denda tidak lebih RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya manakala Seksyen 504 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman denda atau dipenjarakan selama tempoh dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.

MCMC memandang serius penyebaran kandungan jelik melampau terhadap Institusi Diraja kerana boleh menjejaskan keyakinan awam serta keharmonian dan ketenteraman masyarakat. Orang ramai diingatkan untuk menggunakan media sosial secara beretika dan bertanggungjawab, serta bahawa sebarang kandungan jelik, hasutan atau fitnah—khususnya melibatkan Institusi Diraja—akan dikenakan tindakan tegas menurut undang-undang.

## LAMPIRAN GAMBAR



Seorang individu telah dirakam percakapan di Ibu Pejabat MCMC, Cyberjaya hari ini bagi membantu siasatan berhubung kandungan jelik melampau melibatkan Sultan Selangor.

## KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

